

'Jangan makan kalau masih ragu'

SHAH ALAM - Umat Islam perlu menolak makanan yang diragui status halalanya, kata Mufti Selangor Datuk Seri Mohd. Tamyas Abdul Wahid.

"Masih banyak makanan lain yang halal yang boleh kita makan dan

tinggalkan sahajalah makanan yang diragukan. Sebagai pengguna makanan kita perlu yakin dengan apa yang kita ambil," katanya kepada Bernama di sini semalam.

Mohd. Tamyas mengulas demikian mengenai kemungkinan ada la-

gi produk yang menyalahgunakan logo halal menyebabkan masyarakat Islam termakan unsur-unsur haram seperti babi selepas pendedahan bahawa terdapat dua syarikat yang menyalahgunakan logo halal untuk menjual produk sosej yang dibalut

dengan sarung dari unsur binatang terbabit.

Makanan halal juga boleh berubah hukumnya menjadi haram oleh pengambilnya walaupun dengan tidak sengaja berjenaka dan sebagainya.

"Contohnya kalau kita minum air

galian dan mengatakannya sebagai arak, air galian yang hukumnya halal diminum itu juga boleh jatuh hukum haram. Sama juga hukumnya kalau kita mengatakan makanan itu haram, ia akan jatuh haram walaupun makanan itu halal," katanya.